

TEKS UCAPAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN SAHIB @

SAHIBUDDIN, FASc

NAIB CANSELOR UiTM

SEMPENA

MAJLIS MENANDATANGANI

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

DAN

MAJLIS SUKAN NEGARA

29 NOVEMBER 2023 | RABU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

- **Yang Berhormat Hannah Yeoh Tseow Suan**
Menteri Belia dan Sukan
- **Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar
Universiti Teknologi MARA
- **Yang Berusaha Tuan Haji Abdul Rashid Yaakub**
Pengarah Majlis Sukan Negara
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti,
- Wakil-Wakil Media,
- Atlet – atlet dan Hadirin Sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Teknologi MARA dan Majlis Sukan Negara** pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Hannah Yeoh Tseow Suan, Menteri Belia dan Sukan kerana sudi hadir bersama-sama kita pada pagi ini. Secara tidak langsung, ia menunjukkan sokongan dan komitmen yang tinggi daripada YB Hannah Yeoh terhadap pembangunan sukan di Malaysia secara amnya dan UiTM khususnya.

Hadirin sekalian,

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar di atas inisiatif dan kejayaan mengadakan **Majlis Menandatangani**

Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Majlis Sukan Negara. Ini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan UiTM membangunkan dan memperkasakan program kerjasama dalam bidang sukan sebagai satu agenda sukan universiti.

4. Kerjasama strategik antara UiTM dengan Majlis Sukan Negara ini dapat meningkatkan mutu kecemerlangan sukan UiTM dan negara bagi melahirkan “Thinking Athlete” yang cemerlang dalam bidang sukan dan akademik. Kerjasama ini akan membentuk satu jalinan kerjasama dengan kepakaran atau kelebihan kedua-dua pihak bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju dalam bidang sukan.

Hadirin sekalian,

5. Pihak UiTM begitu fleksibel di dalam membantu dan menangani situasi atlet dalam kalangan pelajar kerana mereka merupakan individu istimewa yang telah mengorbankan masa dan jiwa mereka untuk sukan yang diceburi. Dengan jadual latihan dan pertandingan yang

ketat, atlet dalam kalangan pelajar sukar memberikan komitmen sepenuhnya dalam aktiviti akademik seperti pelajar sepenuh masa. Namun demikian, UiTM sentiasa mencari jalan untuk atlet dalam kalangan pelajar ini dapat berusaha sama-sama meningkatkan prestasi akademik seiring dengan aktiviti sukan yang diceburi.

6. Mengikut rekod Pusat Sukan UiTM terdapat seramai 68 orang atlet negara yang sedang melanjutkan pengajian di universiti keramat ini. Antaranya adalah atlet boling padang negara iaitu Saudari Nur Ain Nabilah Tarmizi dan Saudari Aleena Ahmad Nawawi dari Fakulti Sains Sukan & Rekreasi yang merupakan Juara Dunia di Kejohanan World Bowls Championship 2023 yang berlangsung di Gold Coast, Australia pada bulan September baru-baru ini.

7. UiTM juga mempunyai atlet yang telah layak dan akan beraksi di pentas Temasya Sukan Olimpik Paris 2024 iaitu Saudara Muhammad Aniq Kasdan atlet angkat berat negara. Baharu-baharu ini beliau juga telah memenangi pingat gangsa di Kejohanan Angkat Berat Dunia menerusi acara clean and jerk kategori 61 kilogram.

8. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UiTM akan sentiasa membantu agensi atau organisasi luar untuk bersama-sama berganding bahu dan berkongsi kepakaran serta kemudahan supaya dapat meningkatkan mutu sukan negara agar Malaysia dapat melahirkan jaguh olimpik suatu hari nanti serta kedua-dua pihak mendapat manfaat hasil kerjasama yang dijalankan. Ini merupakan perancangan sinergi bagi meningkatkan produktiviti UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang unggul di Malaysia.

Hadirin sekalian,

9. Secara jangka panjang, kerjasama antara UiTM dan Majlis Sukan Negara ini dapat membantu meningkatkan serta merancang pembangunan atlet dengan lebih teratur termasuk memberi peluang kepada atlet negara yang berkelayakan dan berpotensi untuk melanjutkan pengajian di UiTM dan seterusnya mewakili pasukan UiTM ke kejohanan di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

10. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Sukan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM dan Majlis Sukan Negara kerana berjaya merealisasikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman pada pagi ini dan seterusnya membuka peluang kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang.

11. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan dan semua yang hadir termasuk pihak media di atas kesudian hadir ke majlis ini.

Sekian

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**